



# DART CAMPURAN



## **PERATURAN DAN SYARAT PERMAINAN DART CAMPURAN**

### **1.0 NAMA**

1.1 Pertandingan ini dinamakan

***“KEJOHANAN DART SUKAN MARA SEMALAYSIA 2017”.***

### **2.0 PENGANJURAN**

2.1. Jawatankuasa Penganjuran menganjurkan pertandingan ini. Sebarang keputusan yang dibuat terhadap segala perkara yang berhubungkait dengan kejohanan ini adalah muktamad.

2.2. Jawatankuasa berhak meminda atau membuat apa-apa penyesuaian untuk permainan menurut cara yang difikirkan sesuai.

2.3. Jawatankuasa berhak menolak mana-mana pasukan atau peserta yang tidak mematuhi peraturan dan syarat kejohanan.

### **3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

3.1. Undang-undang dan Peraturan permainan yang digunapakai dalam kejohanan ini adalah mengikut Peraturan dan Undang-undang Persekutuan Dart Antarabangsa (WDF).

3.2. Kejadian di luar dugaan yang tidak terdapat dalam peruntukan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-

3.2.1. Semua kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan Am Kejohanan Sukan MARA Se-Malaysia 2017.**

3.2.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Am Kejohanan Sukan MARA Se-Malaysia 2017, Undang-undang Persekutuan Dart Antarabangsa (WDF) dan Jawatankuasa Penganjur.

3.2.3. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad.

### **4.0 PENYERTAAN**

4.1. Setiap pasukan dibenarkan mendaftar pasukan negeri yang terdiri daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dengan MARA termasuk semua Agensi-agensi di bawah MARA sahaja.

- 4.2. Bagi kakitangan Sambilan dan Kontrak, hendaklah telah berkhidmat dengan MARA sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh Kejohanan.
- 4.3. Terdapat empat belas (14) pasukan yang layak menyertai pertandingan ini.
- 4.4. Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar sepuluh (10) orang darters termasuk pemain simpanan.
- 4.5. Pendaftaran setiap pemain hendaklah mengikut keperluan yang ditetapkan dalam Undang-undang dan Peraturan Am Sukan MARA Se-Malaysia 2017. Borang pendaftaran mesti ditandatangani oleh Ketua Kontigen atau Pengurus Pasukan setiap negeri.

## **5.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN**

- 5.1. Taklimat kepada pengurus pasukan akan diadakan pada 19 Mac 2017 jam 8.30 malam di MRSM Lenggong, Perak.
- 5.2. Selepas taklimat pengurus pasukan, sebarang permohonan pertukaran / gantian pemain tidak dibenarkan.

## **6.0 ACARA PERTANDINGAN**

### **6.1. Pertandingan akan dipertandingkan dalam lima (5) kategori seperti berikut :-**

**6.1.1. Perseorangan Lelaki - 501 (best of 3 legs)**

**6.1.2. Perseorangan Wanita - 301 (best of 3 legs)**

**6.1.3. 2 Beregu Lelaki - 501 (best of 3 legs)**

**6.1.4. 1 Beregu Wanita - 301 (best of 3 legs)**

- 6.2. Pertandingan akan dijalankan secara 'Best of Three Sets' kecuali Pertandingan akhir akan dijalankan secara 'Best of Five Sets'.
- 6.2. Undian akan dilakukan bagi menentukan pemain mana yang akan memulakan pertandingan (First Player to Throw).
- 6.4. Setiap Darters dibenarkan bermain hanya satu acara sahaja.

## **7.0 SISTEM DAN FORMAT PERTANDINGAN**

**\*\* Sila rujuk para 8 dan 9 dalam PERATURAN AM SUKMAS Perak 2017**

## **8.0 SISTEM PEMBERIAN MATA / MENENTUKAN KEMENANGAN**

- 8.1. Pertandingan di peringkat kumpulan yang dijalankan secara liga, sistem pemberian mata adalah seperti berikut :-
  - 8.1.1. Menang - 3 mata
  - 8.1.2. Kalah - 0 mata
- 8.2. Pasukan yang mendapat mata terbanyak diistihar sebagai Johan Kumpulan.
- 8.3. Sekiranya pada akhir keputusan dalam sesuatu kumpulan diperolehi sama mata oleh dua (2) pasukan, pemenang adalah berdasarkan kepada pasukan yang menang dalam pertandingan awal akan dikira sebagai pemenang.
- 8.4. Jika mata diperolehi sama oleh tiga (3) pasukan atau lebih, maka pemenangnya akan ditentukan dengan kaedah berikut :-
  - 8.4.1. Pemenang akan ditentukan melalui 'Best of Games and Lost Aggregate'.
  - 8.4.2. Jika masih juga sama, maka setiap pasukan dikehendaki menyediakan empat (4) orang darter (3 lelaki dan 1 perempuan) untuk bermain dalam 'tie-break 1001' 'Best of One (1)'. Pemenang akan mendapat satu (1) mata penuh untuk menentukan kedudukan terakhir.
- 8.5. Setiap pemain hendaklah mengakhiri balingan melalui 'Double Score'. Pemain yang telah layak untuk Check diberi peluang 15 balingan untuk menamatkan perlawanan. Sekiranya masih gagal 3 balingan diberikan dan pemenang dibuat berdasarkan kiraan mata tertinggi.

## **9.0 JERSI / PAKAIAN PEMAIN**

- 9.1. Tiap-tiap pasukan hendaklah berpakaian kemas dan pengenalan pasukan hendaklah ditonjolkan.
- 9.2. Dilarang memakai pakaian seperti seluar pendek, selipar, sandal dan T-Shirt tanpa kolar.

## **10.0 PEMBATALAN / WALKOVER**

- 10.1. Tiap-tiap pasukan mestilah berada di gelanggang pertandingan sepuluh (10) minit sebelum masa yang ditetapkan untuk pertandingan.
- 10.2. Jika satu-satu pasukan datang lewat lima belas (15) minit selepas masa yang telah dijadualkan untuk pertandingan tanpa memberi sebarang alasan yang munasabah, maka pasukan tersebut dikira memberi kemenangan kepada pihak lawan.
- 10.3. Menarik diri daripada pertandingan tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku pasukan

tersebut dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan. Semua mata yang diperolehi sebelum itu tidak akan diambil kira.

## **11.0 TINDAKAN TATATERTIB**

11.1 Hukuman berikut merupakan hukuman yang dikenakan secara automatik :-

11.1.1. Seseorang pemain yang disingkirkan atau dikeluarkan daripada gelanggang pertandingan atas sebab-sebab berkelakuan buruk dan biadap, maka pemain tersebut digantung satu perlawanan berikutnya.

## **12.0 BANTAHAN**

12.1. Bantahan hendaklah secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat pertandingan.

12.2. Setiap bantahan disertakan bayaran **RM500.00** dan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan ditolak.

## **13.0 HAL-HAL LAIN**

13.1. Pengurus / Jurulatih setiap pasukan bertanggungjawab memastikan setiap pemain dan penyokong pasukannya berpegang kepada semangat kesukanan yang tulin.

## **14.0 HADIAH**

14.1. Hadiah-hadiah disediakan seperti berikut :-

14.1.1. Johan

14.1.2. Naib Johan

14.1.3. Tempat Ketiga

14.1.4. Tempat Keempat

## **15.0 HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN**

15.1. Segala hal yang tidak diperuntukkan didalam peraturan ini dan segala tafsiran peraturan ini hendaklah diselenggarakan oleh Jawatankuasa Penganjur Sukan MARA Se-Malaysia 2017. Segala keputusan adalah muktamad.



## Borang Daftar Nama Pemain

### PERTANDINGAN DART CAMPURAN

**KONTIGEN :** \_\_\_\_\_

	<b>NAMA</b>	<b>NO. H.P.</b>
PENGURUS PASUKAN		
KETUA PASUKAN		

### NAMA PEMAIN

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO. K/P</b>
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.		
10.		



## Borang pendaftaran pertandingan

### PERTANDINGAN DART CAMPURAN

**KONTIGEN :** \_\_\_\_\_

	NAMA	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN		
KETUA PASUKAN		

#### NAMA PEMAIN

BIL	NAMA	NO. K/P
<b>Perseorangan Lelaki</b>		
1.		
<b>Perseorangan Wanita</b>		
1.		
<b>Beregu Lelaki Pertama</b>		
1.		
2.		
<b>Beregu Lelaki Kedua</b>		
1.		
2.		
<b>Beregu Wanita</b>		
1.		
2.		

#### NAMA PEMAIN SIMPANAN

1.		
2.		

.....  
Pengurus Pasukan

.....  
Tarikh